

## Sistem Pengajaran dan Pembelajaran Pengantar Qira'at dan Hafazan di UKM

Kod Projek : UKM-PTS-033-2009

*Sabri Mohamad (Ketua Projek), Ashraf Ismail, Latifah Abdul Majid, Mohd. Akil Muhamed Ali,  
Mohd Faizulamri Mohd Saad, Mohd. Nazri Ahmad, Muhammad Hafiz Jamil & Rokiah Ahmad*

Jabatan Pengajian al-Qur'an dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor

---

### PENGENALAN / PERNYATAAN MASALAH

Kajian ini akan mengkaji keberkesanan pengajaran dan pembelajaran pengantar Qira'at & Hafazan di Universiti Kebangsaan Malaysia. Oleh kerana pengajaran dan pembelajaran subjek tersebut telah pun wujud seusia UKM dan belum ada suatu kajian pun yang mengkaji P&Pnya secara khusus maka dirasakan perlu diadakan kajian tentangnya. Kajian ini akan menggunakan dua instrument utama, iaitu analisis dokumen dan soal selidik. Analisis dokumen diaplikasi bagi mengenalpasti sejarah dan kronologi Pengantar Qira'at & Hafazan di Universiti Kebangsaan Malaysia. Manakala soalselidik digunakan untuk mengkaji keberkesanan dan maklumbalas pelajar terhadap proses P&P kurikulum ini. Peratusan pelajar yang memperolehi gred cemerlang dalam kursus Qira'at yang ditawarkan, yang sangat memberangsangkan boleh menjadi salah satu kayu ukur kepada potensi dan minat mereka kepada kurikulum ini. Bahkan maklumbalas mereka terhadap proses pengajaran dan pembelajaran sangat baik. Hal ini memberi gambaran yang jelas bahawa kursus Pengantar Qira'at & Hafazan sebagai satu disiplin ilmu untuk ditawarkan di peringkat sarjana muda perlu diteruskan, disuburkan dan diperkasakan lagi. Bahkan suatu langkah yang amat baik sekiranya ianya turut ditawarkan di peringkat ijazah lanjutan di institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia di dalam melahirkan dan membentuk tenaga kumpulan pakar atau profesional dalam bidang tersebut.

### OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti tahap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pengantar Qira'at dan Hafazan terhadap pelajar.
2. Mengkaji keputusan peperiksaan serta menganalisa tahap penguasaan Pengantar Qira'at dan Hafazan di kalangan pelajar.
3. Mengenal pasti masalah dan langkah penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran Pengantar Qira'at dan Hafazan di UKM.

## METODE KAJIAN

Kajian berkaitan subjek Pengantar Qira'at dan Hafazan, di Jabatan Pengajian al-Qur'an dan al-Sunnah, UKM, pengajaran dan pembelajarannya adalah berdasarkan kepada dua kaedah kajian utama iaitu kaedah kajian analisis dokumen (kepustakaan) dan kajian lapangan. Kedua-dua kaedah ini dimanfaatkan demi memperoleh satu hasil yang dapat dipertanggungjawabkan.

1. **Analisis Dokumen:** Kajian analisis dokumen ialah suatu kajian utama dalam memperoleh bahan-bahan yang mengandungi kronologi perkembangan subjek Pengantar Qira'at dan Hafazan semenjak penubuhan UKM sehingga kini. Bahan-bahan yang dirujuk adalah seperti penulisan ilmiah dan tesis serta kajian-kajian penyelidik sebelum ini yang mengkaji korikulum dan pengajaran tafsir akan dibaca dan bahan-bahan ini merupakan asas dalam memulakan kajian.
2. **Kajian Lapangan:** Kajian penilaian pengajaran dan pembelajaran subjek Pengantar Qira'at dan Hafazan ini amat memerlukan pengumpulan data di lapangan. Sehubungan itu, metode pengumpulan data jenis semak akan digunakan di samping menggunakan beberapa teknik yang berkaitan dengan metod itu. Antara teknik yang dimanfaatkan untuk mendapatkan data di lapangan ialah i) soal selidik ii) temubual iii) pemerhatian. Temu bual dilakukan bersama tenaga pengajar yang mengajar subjek tersebut dan juga para pelajar yang telah mempelajari subjek tersebut. Ini adalah bertujuan untuk mendapatkan penjelasan dan penilaian mereka mengenai korikulum dan pengajaran subjek Pengantar Qira'at dan Hafazan. Sasaran bagi kajian lapangan ini adalah para pelajar yang mempelajari subjek berkenaan iaitu dari FPI dan juga FPEND.
3. **Soal Selidik:** Soal selidik merupakan satu bentuk susunan soalan yang formal. Peringkat-peringkat soalan yang diutarakan adalah bertujuan untuk mencungkil data di lapangan. Kaedah ini digunakan bagi menguji penilaian dan penerimaan para pelajar terhadap korikulum pembelajaran subjek Pengantar Qira'at dan Hafazan. Melalui kaedah ini, dapatan maklumat yang sebenar diperolehi tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak. Seramai 59 orang pelajar yang berumur di antara 21 tahun hingga 27 tahun daripada FPI dan FPEND yang memperlajari subjek ini telah dipilih sebagai responden untuk menjawab borang soal selidik yang telah disediakan. Di dalam borang soal selidik ini, pengkaji telah menyentuh beberapa persoalan iaitu berkenaan dengan latar belakang responden, pernyataan mengenai pendekatan P&P, perkaedahan pengajaran, sukanan mata pelajaran, penilaian pengajaran, keberkesanan P&P, dan permasalahan yang dialami dan mengganggu proses P&P. Borang soal selidik ini telah diedarkan kepada responden untuk diisi dan dipulangkan kembali kepada pengkaji selepas selesai diisi. Setelah keseluruhan borang soal selidik berjaya dihimpunkan semula, maka pengkaji mula mengumpulkan data-data berkenaan untuk dianalisis seterusnya membuat keputusan serta kesimpulan daripada data-data tersebut.
4. **Temu Bual:** Temubual dilakukan ke atas tenaga pengajar dan juga para pelajar. Temubual yang dilakukan adalah bertujuan untuk mendapatkan penjelasan dan penilaian mereka berkenaan dengan proses pembelajaran dan pengajaran subjek Pengantar Qira'at dan Hafazan yang berlangsung di dalam kuliah. Cadangan serta pendapat yang dikemukakan oleh mereka mengenai proses serta kaedah pengajaran

dan pembelajaran di dalam kuliah juga diambil kira supaya dapat diteliti dengan lebih mendalam. Selain daripada itu, masalah-masalah yang dihadapi oleh tenaga pengajar dan para pelajar di dalam proses pengajaran dan pembelajaran subjek Pengantar Qira'at dan Hafazan juga ditinjau agar penambahbaikan dapat dilakukan supaya proses pengajaran dan pembelajaran yang seterusnya dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Sesi temubual ini dijalankan dengan cara bertemu dan bersemuka dengan tenaga pengajar dan pelajar tersebut dan perbualan itu telah direkod dengan menggunakan perakam suara.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Mengenal pasti tahap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pengantar Qira'at dan Hafazan terhadap pelajar**

Antara yang dibincangkan dalam bahagian ini ialah pendekatan, pengaedahan, sukanan matapelajaran, penilaian pengajaran serta keberkesanan. Perbincangan ini merangkumi kesemua metodologi yang digunakan iaitu soal selidik, temubual dan analisis dokumen berdasarkan kesesuaian.

#### a. Pendekatan pengajaran dan pembelajaran

Analisa deskriptif telah menunjukkan keseluruhan min bagi pendekatan P&P berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan pendekatan P&P subjek Pengantar Qira'at dan Hafazan di UKM adalah berkesan dan cemerlang kerana proses P&P berpusatkan pelajar dan melibatkan pelajar secara aktif. Ia juga diaplikasi merangkumi kecekapan bahasa, komunikasi serta berdasarkan kemahiran dan pengalaman pelajar. Di samping itu juga, P&P di dalam subjek ini juga menggalakkan pelajar berfikir secara kreatif dan kritis serta menggalakkan pelajar untuk berinteraksi dan menyelesaikan masalah.

Selain daripada itu, pensyarah juga memainkan peranan sebagai pemudah cara dan perangsang pembelajaran di samping menggunakan pelbagai strategi untuk membangkitkan minat pelajar dalam pendekatan P&P subjek Pengantar Qira'at dan Hafazan iaitu dengan mempelbagaikan aktiviti pembelajaran dan menggalakkan pembelajaran di dalam kumpulan kecil. Pensyarah-pensyarah juga mempunyai kemahiran dan berkebolehan dalam menyampaikan isi-isi kuliah dengan mengaitkan dengan keadaan semasa serta mempunyai kesinambungan antara satu fakta dengan satu fakta yang lain untuk memberikan kefahaman kepada para pelajar. Selain daripada itu, pensyarah menyampaikan kuliah dengan nada suara yang lancar, terang dan tidak terlalu laju. Pensyarah juga memastikan para pelajar memberi perhatian dan memahami apa yang disampaikan serta membuka ruang perbincangan semasa mengajar. Bagi sebahagian pelajar, mereka mengulang kaji pelajaran terlebih dahulu sebelum memasuki dewan kuliah dan dengan cara ini mereka akan mengingati pelajaran-pelajaran yang lepas.

#### b. Perkaedahan pengajaran

Hasil analisa deskriptif telah menunjukkan keseluruhan min bagi pengaedahan pengajaran subjek Pengantar Qira'at dan Hafazan berada pada tahap sederhana. Ini menunjukkan pengaedahan pengajaran subjek Pengantar Qira'at dan Hafazan di UKM perlu dipertingkatkan dan dipelbagaikan lagi untuk mencapai tahap yang tinggi dan lebih berkesan. Pengaedahan yang telah digunakan ialah syaran/kuliah,

seminar/forum/simposium, bersoal jawab/perbincangan, pengajaran berbantuan komputer, perbincangan kumpulan, kajian kes, penyelesaian masalah, brainstorming, tunjuk cara/praktikal/amali dan lawatan sambil belajar. Syarahan atau kuliah adalah kaedah yang paling kerap digunakan dalam menyampaikan isi bagi subjek Pengantar Qira'at dan Hafazan. Manakala kaedah yang paling jarang digunakan ialah lawatan sambil belajar. Ini adalah kerana lawatan sambil belajar kurang bersesuaian dengan subjek Pengantar Qira'at dan Hafazan. Maka kaedah-kaedah yang besesuaian lebih didahulukan kerana ia memberi kesan yang lebih positif dalam pengajaran.

c. Sukatan matapelajaran Pengantar Qira'at dan Hafazan

Daripada analisa deskriptif yang dijalankan telah mendapati bahawa keseluruhan min bagi sukanan matapelajaran subjek Pengantar Qira'at dan Hafazan berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan sukanan matapelajaran subjek Pengantar Qira'at dan Hafazan di UKM adalah berkesan. Ini kerana sukanan pelajaran subjek Pengantar Qira'at dan Hafazan telah disusun dengan baik, tajuk mudah untuk difahami, dan sukanan matapelajaran juga hampir mencapai objektif utama. Di samping itu, pelajar dapat mengikuti dan menguasai isi kandungan dengan baik. Namun begitu, peruntukan masa untuk pengajaran dan pembelajaran subjek Pengantar Qira'at dan Hafazan adalah tidak mencukupi.

d. Penilaian pengajaran

Beberapa bentuk penilaian telah dikemukakan bagi mengenalpasti corak penilaian yang sering digunakan oleh pensyarah. Oleh yang demikian, analisa deskriptif telah menunjukkan keseluruhan min bagi penilaian pengajaran subjek Pengantar Qira'at dan Hafazan berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan penilaian pengajaran subjek Pengantar Qira'at dan Hafazan di UKM adalah berkesan. Penilaian pengajaran yang digunakan ialah penilaian secara formatif dan sumatif, kerja kursus/kertas projek, pembentangan tugasan, kuiz, peperiksaan pertengahan dan akhir semester. Namun begitu, penilaian yang sering dilakukan adalah berdasarkan peperiksaan akhir semester.

e. Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran

Analisa deskriptif telah menunjukkan keseluruhan min bagi subjek Pengantar Qira'at dan Hafazan berada pada tahap sederhana. Perkara ini telah menimbulkan tanda tanya kepada pengkaji mengapa tahap keberkesanan P&P berada pada tahap yang sederhana sedangkan pendekatan P&P, sukanan matapelajaran dan penilaian pengajaran berada pada tahap tinggi. Beberapa anggapan telah dibuat tentang perkara ini. Antaranya ialah pelajar kurang memberikan tumpuan ketika pensyarah menyampaikan syarahannya, pelajar tidak mengingati sepenuhnya pelajaran yang telah mereka pelajari di dalam kelas dan kekangan masa juga menjadi penyebab kepada masalah ini. Selain itu juga pensyarah perlulah mempelbagaikan perkaedahan pengajaran agar ia lebih memberi kesan dan dapat menarik minat pelajar untuk memberi penumpuan sepenuhnya terhadap pengajaran pensyarah tersebut.

**Mengenal pasti masalah dan langkah penambahan pengajaran dan pembelajaran Pengantar Qira'at dan Hafazan di UKM.**

Dapatkan hasil yang diperolehi daripada soal selidik dan temubual yang dijalankan, mendapati bahawa terdapat beberapa masalah yang telah mengganggu proses pengajaran

dan pembelajaran subjek Pengantar Qira'at dan Hafazan. Antara permasalahan tersebut ialah:

- a. Lemah dalam penguasaan Bahasa Arab.
- b. Keadaan kelas yang sempit dan kurang selesa untuk sesi pengajaran dan pembelajaran.
- c. Peruntukan masa yang tidak mencukupi dalam mempelajari subjek Pengantar Qira'at dan Hafazan.
- d. Kurang memahami subjek Pengantar Qira'at dan Hafazan.
- e. Pengajian secara lisan sukar untuk difahami dan dikuasai.
- f. Kurang bahan bacaan dalam Bahasa Melayu.
- g. Terlalu banyak surah yang hendak dihafal.
- h. Masalah dalam menghafal surah dengan baik kerana cepat lupa.

### **CADANGAN**

Antara cadangan yang telah dikemukakan oleh para pelajar dalam penambahbaikan proses pengajaran dan pembelajaran Pengantar Qira'at dan Hafazan adalah sebagaimana berikut:

1. Adakan terjemahan untuk bacaan asas Pengantar Qira'at dan memperbanyakkan buku rujukan di dalam Bahasa Melayu.
2. Mengadakan kelas khas untuk subjek ini bagi melebihkan masa pembelajaran.
3. Menggunakan dwibahasa dalam kertas peperiksaan.
4. Hafalan tidak terlalu panjang dan melebihkan masa untuk menghafal.
5. Mengurangkan jumlah pelajar pada sesi pembelajaran subjek ini supaya para pelajar mendapat lebih perhatian dan pemahaman semasa sesi pembelajaran berlangsung.
6. Menyediakan modul “mudah Qira’at” untuk para pelajar.
7. Memanjangkan masa di dalam kelas tutorial untuk praktikal bacaan Qira'at dan hafazan.
8. Memperbanyakkan tenaga pengajar.
9. Mempelbagaikan alat bantu mengajar dan menambah silibus dalam bentuk ICT seperti komputer, audio dan video untuk menunjukkan gambaran yang lebih jelas lagi kepada para pelajar.
10. Ujian syafawi diadakan pada awal semester dan bukan penghujung semester.

11. Menggunakan kitab Taghrib Ma’ani kerana ia lebih sesuai dijadikan silibus di dalam tutorial.

Berdasarkan permasalahan dan cadangan yang telah dikemukakan, maka beberapa perkara perlu diambil perhatian oleh pihak-pihak yang terlibat supaya penambahbaikan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan. Ia adalah sebagaimana berikut:

a. Universiti/Fakulti/Jabatan

Pihak universiti perlu mengambil perhatian dalam menangani masalah prasarana di universiti terutama di dewan-dewan kuliah maupun di bilik-bilik tutorial. Bilik-bilik ini perlulah diberi ruang yang luas dan selesa serta penyediaan penghawa dingin yang baik agar suasana pembelajaran boleh berjalan dengan lancar dan pensyarah boleh melakukan pelbagai aktiviti untuk memantapkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran di IPT.

Di samping itu, peralatan bantu mengajar yang terkini perlu digunakan dan peralatan yang tidak berfungsi hendaklah dibaiki secepat mungkin agar tidak mengganggu kelangsungan proses pengajaran dan pembelajaran. Kaitangan akademik juga perlulah diberi latihan untuk menggunakan alatan-alatan moden tersebut agar proses pengajaran dan pembelajaran tidak berjalan dalam keadaan yang membosankan. Oleh itu, pihak fakulti dan jabatan perlulah prihatin terhadap perkara-perkara ini.

b. Tenaga Akademik/Pensyarah

- i. Memperuntukkan masa yang mencukupi dalam proses pengajaran dan pembelajaran: Pengantar Qira’at dan Hafazan merupakan subjek yang sangat digemari oleh para pelajar namun begitu peruntukan masa yang diberikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kuliah dan bilik tutorial tidak mencukupi kerana terlalu banyak yang perlu dipelajari namun masa yang diperuntukkan hanya terhad. Oleh itu para pensyarah hendaklah mengambil inisiatif sendiri seperti mengadakan kelas tambahan dan lain-lain lagi. Di samping itu, para pelajar juga perlu bijak dalam menangani masalah ini dengan pembelajaran kendiri tanpa menunggu suapan demi suapan dan hanya bergantung sepenuhnya kepada pensyarah.
- ii. Mempelbagaikan kaedah pengajaran: Kebiasaan pensyarah gemar menyampaikan kuliah dengan membacakan nota kepada para pelajar daripada menggunakan kaedah pengajaran yang lain. Seharusnya penggunaan alat bantu mengajar yang lebih canggih seperti penggunaan ICT turut diaplikasikan ketika menyampaikan isi kuliah dan menghuraikan fakta-fakta supaya penyampaian lebih menarik dan menyeronokkan. Sememangnya tidak dinafikan penyampaian kuliah melalui pembacaan nota memudahkan pensyarah untuk menjelaskan isi fakta kursus di samping pelajar juga dapat mendengar dan mencatat dengan baik.
- iii. Menterjemahkan kitab atau buku rujukan ke dalam Bahasa Melayu: Bagi mengatasi kelemahan pelajar dalam memahami kitab-kitab berbahasa Arab, para pensyarah dicadangkan untuk menterjemahkan buku rujukan ke dalam Bahasa Melayu. Dengan cara ini, pelajar akan dapat memahami ilmu-ilmu asas dalam Qira’at. Di samping itu, para pensyarah juga dicadangkan untuk membuat nota atau modul berbahasa Melayu serta soalan peperiksaan yang berbentuk dwibahasa bagi membantu para pelajar.

iv. Memperbanyakkan kuiz dan ujian bulanan: Para pensyarah dicadangkan untuk sentiasa mengadakan kuiz dan ujian bulanan. Ini akan membuatkan pelajar sentiasa mengulangkaji pelajaran yang lepas. Selain itu, para pelajar juga akan berusaha untuk memahami subjek-subjek yang dipelajarinya. Namun begitu, kuiz-kuiz yang diadakan ini seharusnya tidak terlalu berat untuk pelajar kerana mereka juga mempunyai tugas lain yang perlu diselesaikan.

c. Para Pelajar

- i. Penglibatan pelajar: Penglibatan pelajar secara aktif ketika bersama pensyarah akan melancarkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran di IPT. Interaksi dua hala ini akan meningkatkan lagi kecemerlangan pelajar dalam pelajaran berbanding keadaan interaksi sehala iaitu daripada pensyarah sahaja. Pelajar juga mestilah rajin bertanyakan pensyarah dan mengadakan perbincangan secara berkumpulan dengan rakan-rakan apabila berhadapan dengan matapelajaran yang sukar untuk difahami. Selain itu juga, untuk menjadi pelajar yang cemerlang dan berkualiti, para pelajar juga mestilah bergerak aktif di dalam kelas dan juga di luar kelas. Pelajar perlu melibatkan diri dalam kegiatan luar seperti berpersatuan, menghadiri seminar dan bengkel yang berkaitan dengan pembelajaran samada anjuran universiti mahupun organisasi luar. Dengan cara ini, para pelajar akan dapat menambahkan dan meningkatkan lagi penguasaan ilmu pengetahuan dalam diri mereka di samping memupuk keyakinan diri dan keberanian berhujah ketika berhadapan dengan orang ramai.
- ii. Meningkatkan penguasaan Bahasa Arab: Bagi para pelajar yang lemah dalam penguasaan Bahasa Arab, mereka perlulah mencari inisiatif untuk memantapkan lagi Bahasa Arab. Di antara perkara yang dicadangkan untuk memantapkan penguasaan Bahasa Arab di kalangan pelajar ialah, mereka perlu menghadiri kelas-kelas bahasa yang dijalankan di fakulti ataupun di luar fakulti. Di samping itu pelajar juga boleh meminta pihak universiti menghantar pelajar ke luar negara secara berkumpulan seperti ke Syria atau Jordan untuk mempelajari serta memantapkan lagi penguasaan Bahasa Arab di kalangan mereka. Pelajar juga perlu memperbanyakkan kosa kata di dalam Bahasa Arab dengan membaca bahan bacaan di dalam Bahasa Arab. Dengan ini, secara tidak langsung hari demi hari kosa kata semakin bertambah dan masalah kelemahan dalam menguasai Bahasa Arab dapat diatasi.

### **PENCAPAIAN PROJEK (*OUTPUT*)**

1. Telah dibentang dalam Seminar Antarabangsa Qurra' dan Qiraat (SQ 2010), pada 29-30 Oktober, Anjuran Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kuala Terengganu.
2. Akan dibentang dalam Seminar Kebangsaan Penyelidikan Dan Pendidikan Qiraat 2010 (SKPPQ 2010), pada 25-26 Disember 2010, Anjuran Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bangi.

### **KESIMPULAN**

Daripada perbincangan dan kajian yang dilakukan dapatlah disimpulkan bahawa semua boleh iaitu Pendekatan Pengajaran Dan Pembelajaran Pengantar Qira'at dan Hafazan,

Perkaedahan Pengajaran Pengantar Qira'at dan Hafazan, Sukatan Matapelajaran Pengantar Qira'at dan Hafazan, Penilaian Pengajaran Pengantar Qira'at dan Hafazan, Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran Pengantar Qira'at dan Hafazan serta Permasalahan Pengajaran Dan Pembelajaran Pengantar Qira'at dan Hafazan berada pada tahap memuaskan. Namun begitu, terdapat beberapa aspek yang harus diberi penekanan serta penambahbaikan pada kesemua pemboleh ubah agar ia lebih mantap dari semua sudut.